

# Jangan bandingkan gaji berbeza

Oleh Jailani Harun

KULIM, Khamis — Pekerja sektor awam dan swasta negara ini tidak harus menjadikan perbezaan gaji mereka dengan negara maju lain sebagai perbandingan dalam kempen menuntut kenaikan dan faedah lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata gaji sederhana yang dinikmati rakyat Malaysia adalah satu keistimewaan yang ada pada mereka, berbanding rakyat negara maju.

Menurutnya, gaji yang 'tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah' adalah faktor yang menggalakkan kedatangan pelabur asing serta mengekalkan daya saing barangan keluaran negara di pasaran antarabangsa.

Berucap di majlis pecah tanah Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Kedah di sini hari ini, beliau berkata kos tenaga manusia yang murah dan sederhana banyak membantu usaha kerajaan menarik pelaburan asing yang menyediakan pelbagai peluang sampingan, termasuk pekerjaan, kepada rakyat.

Di sebuah negara jiran, katanya, mereka mampu menyaingi kepakaran negara maju dengan kejayaan mereka membentuk dan mencipta kapal terbang serta helikopter.

"Biarpun perindustrian kita lebih pesat, mereka memiliki kepakaran lebih tinggi, malah di beberapa segi melebihi negara maju di bidang berkenaan.

"Bagaimanapun, kos tenaga kerja mereka jauh lebih rendah daripada kita. Sebagai contoh, jurutera mereka cuma dibayar dalam lingkungan \$500 sebulan berbanding jurutera di negara kita.

"Faktor inilah yang membantu mereka mendapatkan pelbagai kontrak asing bagi membuat komponen jet pejuang F-16, bahagian kecil Boeing 737 dan B767 serta komponen untuk pesawat keluaran McDonald Douglas," katanya.

Dr Mahathir berkata, firma raksasa memberi kontrak kepada negara jiran itu kerana tawaran awal yang dibuat kepada Jepun membabitkan kos tenaga manusia yang terlalu tinggi.

Menurutnya, Malaysia perlu mengekalkan kos tenaga pekerjaannya pada paras yang sederhana bagi memenangi banyak kontrak antarabangsa semuamnya itu.

"Dalam keadaan sekarang, kos tenaga pekerja kita ialah satu perlima atau satu persepuluh lebih rendah daripada kebanyakan negara membangun dan negara maju

dan oleh itu, ia adalah satu tarikan kepada pelabur asing," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menegaskan kerajaan ingin mewujudkan lebih banyak pekerjaan kepada rakyat yang menganggur dan bukannya tidak mahu memberi gaji lebih tinggi kepada mereka.

"Kita tidak berniat menganiaya pekerja. Kita perlu memilih sama ada inginkan gaji yang sederhana ataupun pengangguran.

"Sektor elektronik, misalnya, mempunyai lebih 180,000 pekerja, tetapi kesatuan sekerjanya membuat pelbagai tuntutan kenaikan gaji.

"Mereka tidak menghiraukan orang yang tiada kerja, tetapi hanya mementingkan mereka yang sudah bekerja," katanya.

Mengenai Taman Perindustrian Hi-Tech itu, Dr Mahathir berkata matlamatnya ialah melatih tenaga kerja separuh mahir dan tidak mahir agar menjadi tenaga mahir yang dapat membawa negara ke era industri maju menjelang Wawasan 2020.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff; Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon dan perwakilang asing di Malaysia.